

13 MAR 1997

PRICE WATERHOUSE AKAN TUBUH PUSAT TEKNOLOGI UNTUK MSC

KUALA LUMPUR, 13 Mac (Bernama) -- Syarikat perunding antarabangsa Price Waterhouse sedang mengkaji untuk menubuhkan sebuah pusat teknologi untuk mengadakan penyelidikan dan sokongan maklumat bagi syarikat-syarikat multimedia yang mahu menempatkan operasi mereka di Koridor Raya Multimedia.

Pengerusi eksekutifnya bagi Malaysia Raja Datuk Arshad Raja Tun Uda berkata pusat yang dicadangkan itu, yang akan ditempatkan di MSC, akan dihubungkan kepada pusat teknologi dunia Price Waterhouse di Menlo Park, sebuah taman teknologi, di California.

Syarikat itu kini sedang membincangkan perincian cadangan itu dan masih telalu awal untuk mengumumkannya pada masa ini.

Pengarah eksekutif Price Waterhouse Technology Centre Dr Paul Turner berkata apabila pusat yang dicadangkan itu siap, ia akan menjadi tapak ujian bagi teknologi yang dimajukan oleh syarikat-syarikat Teknologi Maklumat (IT).

Raja Arshad dan Dr Paul bercakap kepada pemberita pada taklimat media yang diadakan sempena pelancaran "Technology Forecast '97" terbitan tahunan kesembilan syarikat itu mengenai arah aliran dan perkembangan IT global.

Dr Turner, yang menyifatkan inisiatif MSC bimbingan kerajaan itu sebagai tepat pada masanya, berkata, "Kami menganggap inisiatif MSC sebagai amat tepat masanya dalam konteks ini sebagai tapak ujian bagi pembangunan aplikasi-aplikasi baru multimedia."

Price Waterhouse mendapat ilham dan tercabar oleh wawasan dan kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam mengujudkan MSC, tambah beliau.

Perdana menteri bertanggung jawab dalam membentuk agenda bagi Dunia Baru, khususnya dalam bidang multimedia dan IT, katanya.

Di banyak negara maju, ketiadaan keazaman politik dan halangan-halangan yang dikenakan oleh kerana ketiadaan perundangan dan mekanisme perlindungan lain menyekat pertumbuhan sistem multimedia berteknologi tinggi seperti kerajaan elektronik, teleperubatan dan pembelajaran jarak jauh.

"Tetapi, berbeza dengan Malaysia, kerana nampaknya ia berurusan dengan isu ini dengan amat baik, dengan mengadakan semua ramuan yang betul untuk menjadikan MSC dan aplikasinya bukan sahaja satu realiti tetapi juga berdaya maju," tambah beliau.

Dr Turner menggelarkan MSC sebagai inisiatif yang berani dan imaginatif yang menawarkan potensi manfaat yang besar kepada Malaysia dan juga rakan-rakan kongsi globalnya di dalam usaha itu.

Katanya, baaimanapun, kejayaan pelaksanaan MSC bergantung kepada dua prasyarat kritikal:

- + kemampuan memasukkan prasarana fizikal dan juga kewangan yang betul supaya menyokong aplikasi multimedia yang berlingkungan amat tinggi dan kritikal seperti "mengadakan prasarana komunikasi kadar data gigabit, dan
- + undang-undang siber, jika teknologi mahu mencapai potensi dan nilai sepenuhnya.

Beliau menyebut perlindungan harta intelek sebagai bidang penting di dalam zaman maklumat.

Cadangan pindaan Akta Harta Intelek menunjukkan inisiatif MSC mengiktiraf perlunya perlindungan seumpamanya sebagai satu galakan bagi pengujudan harta intelek nilai ditambah semua jenis, satu aspek penting membina industri-industri berasaskan multimedia, katanya. -- BERNAMA

RIZ OS/sia

